

1. Potensi pekerjaan, karier masa depan



Kakitangan sektor awam dan swasta penuh bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang ketika Sambutan Hari Pekerja 2017 Peringkat Kebangsaan bertema "Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

Semalam kita menyambut Hari Pekerja di seluruh negara. Sambutan ini memberi makna yang besar kerana hampir separuh daripada jumlah rakyat Malaysia adalah pekerja. Menurut statistik Jabatan Perangkaan, ada 14.7 juta pekerja di negara ini sehingga Oktober 2016.

Pekerja adalah nadi pembangunan, kemajuan dan transformasi negara. Untuk menjadi sebuah negara maju, Malaysia memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) misalnya, dijangka 3.3 juta peluang pekerjaan dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Kita percaya tenaga kerja ini bukan sekadar penting sebagai pemacu kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara, tetapi dengan pekerjaan yang tersedia, ia memberi manfaat sosial apabila dapat menyara kehidupan tenaga pekerja.

Sambutan Hari Pekerja kali ini wajar menjadi medan kepada kita untuk memperhalusi isu strategik mengenai pekerja dan pekerjaan khususnya di negara ini pada masa depan.

Keadaan semakin kritikal dengan kemunculan Revolusi Industri Keempat atau Era Digital, yang menyaksikan kemajuan dan penggunaan teknologi secara radikal. Perkembangan mutakhir ini membawa kita kepada dua persoalan besar yang wajar direnungi bersama.

Pertama, apakah masa depan pekerjaan? Kedua, apakah bentuk pekerjaan masa depan? Dalam situasi ekonomi dunia yang tidak menentu, pekerjaan menjadi isu pokok.

Peluang pekerjaan perlu sentiasa diwujudkan agar rakyat mempunyai sumber pendapatan. Tidak dinafikan, kemajuan dan penggunaan teknologi dalam Era Digital telah memberi implikasi kepada masa depan pekerjaan.

Teknologi ambil alih peranan

Teknologi sudah mengambil alih peranan manusia sedikit demi sedikit, sekali gus mengurang dan melupuskan peluang pekerjaan. Penggunaan mesin secara automatik menyebabkan tidak ada lagi keperluan fizikal dalam melakukan pekerjaan.

Di Amerika Syarikat, impak inovasi dan penggunaan teknologi menyebabkan jumlah pekerjaan dalam sektor pertanian menurun secara mendadak. Jika pada abad ke-19, 90 peratus tenaga kerja di negara itu bekerja di sektor pertanian, namun kini mengecil pada tahap dua peratus sahaja.

Pengasas dan Pengerusi Eksekutif, Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam buku, The Fourth Industrial Revolution mengakui bahawa profesi seperti peguam, doktor, akauntan, wartawan dan penganalisis kewangan juga berpotensi mengalami pengurangan tempat apabila sebahagian tugas boleh dilakukan secara digital dan penggunaan teknologi automatik pada masa depan.

Revolusi Digital yang menyaksikan penggunaan teknologi secara radikal juga bawa persoalan mengenai pekerjaan masa depan. Apakah bentuk dan wajah baharu pekerjaan akan datang? Apakah bentuk kemahiran sesuai dengan pekerjaan akan datang?

Aplikasi penggunaan kecerdasan buatan, robotik

Kita menjangka akan wujud pelbagai pekerjaan baharu dalam ekonomi digital yang banyak mengaplikasi penggunaan kecerdasan buatan dan robotik. Forum Ekonomi Dunia menjangka 65 peratus kanak-kanak yang memasuki sekolah pada hari ini akan bekerja dalam bentuk dan fungsi pekerjaan baharu yang belum pernah wujud.

Selain itu, ekosistem pekerjaan juga berubah apabila tidak lagi perlu infrastruktur fizikal statik seperti pejabat, sebaliknya bergerak bebas secara maya. Kita dapat lihat perniagaan atas talian misalnya dapat sambutan luar biasa kerana ia jimat kos dan boleh diakses dengan cepat dan mudah.

Laporan Forum Ekonomi Dunia bertajuk The Future of Jobs: Employment, Skill and Workforce Strategy for the Fourth Industrial Revolution yang dikeluarkan pada Januari 2016 mendedahkan keupayaan kognitif menjadi antara ciri penting yang perlu dimiliki oleh tenaga kerja akan datang.

Ini juga bermakna, pekerjaan yang memerlukan keupayaan kognitif menjadi tumpuan berbanding pekerjaan menggunakan keupayaan fizikal.

Keupayaan kognitif adalah kemampuan berkaitan dengan tahap berfikir, kreativiti dan kemampuan penyelesaian masalah secara kompleks.

Tidak dinafikan, dua persoalan utama yang dibangkitkan dalam tulisan ini wajar ditangani dengan bijak ketika kita merencana transformasi negara melalui Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Persoalan ini sangat kritikal kerana meskipun penggunaan teknologi mampu meningkatkan pengeluaran dan produktiviti, tetapi pada masa sama, ia mengecilkan peluang pekerjaan yang boleh menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran. Muah atau tidak, peluang pekerjaan baharu perlu sentiasa diwujudkan dari semasa ke semasa. Tugas ini tidak semestinya hanya didukung kerajaan, sebaliknya ia boleh disokong dengan aktiviti keusahawanan.

Apabila kita menjana keusahawanan, ia bererti peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Ini sangat baik dalam menyokong ekonomi berciri bebas tanpa pergantungan penuh kepada kerajaan.

Memandangkan bentuk pekerjaan masa depan memerlukan kemahiran baharu yang bergantung kepada keupayaan fizikal secara minimum, bakat yang ingin dijana khususnya pada peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) perlu ambil kira keupayaan baharu seperti keupayaan kognitif yang tinggi.

Pada masa sama, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) perlu diarusperdanakan lagi sebagai bentuk pendidikan yang sentiasa mempertingkat tahap ilmu dan kemahiran berterusan rakyat.

Dalam kata lain, pengupayaan bakat dan potensi rakyat Malaysia khususnya tenaga kerja mahir mesti digiatkan. Hakikatnya, Revolusi Industri Keempat membuka dimensi baharu dalam wacana pekerjaan secara global.

Apa yang penting, kita perlu bertindak proaktif dengan memimpin teknologi yang digunakan untuk memperkasa manusia bukan menggantikannya.

2. JPA siasat penjawat awam palsu slip gaji

MELAKA: Kerajaan akan menyiasat dakwaan kakitangan sektor awam yang disyaki menggunakan slip gaji palsu untuk mendapatkan pinjaman kewangan.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Seri Zainal Rahim Seman, berkata perbuatan tidak bertanggungjawab itu boleh dikesan menerusi cetakan slip gaji daripada Jabatan Akauntan Negara.

Beliau berkata, penjawat awam biasanya mendapatkan pinjaman perumahan, kenderaan dan simpanan, namun perlu memastikan ia tidak daripada 60 peratus daripada pendapatan bulanan mereka.

"Institusi pinjaman kewangan akan memberi pinjaman tanpa penjamin dengan dokumen mencukupi, namun ada segelintir penjawat awam bertindak di luar jangkaan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda, berhubung lebih 49,000 penjawat awam berdepan risiko muflis berikutan kegagalan menguruskan pinjaman.

Azih dilaporkan berkata, setakat ini lebih 3,000 orang diisytihar muflis.

Terdahulu, Zainal merasmikan majlis penutup dan penyampaian sijil kepada 272 peserta Kursus Asas Pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Gred KP41 dan KP19 Siri 1/2017 di akademi jabatan itu di Ayer Molek, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Nadzri Siron.

Sementara itu, Zainal berkata, seramai 36 anggota termasuk pegawai JPJ di seluruh negara dibuang kerja sehingga Mac lalu.

"Siasatan Pasukan Petugas Integriti JPJ mendapati mereka melakukan pelbagai kesalahan, termasuk tidak menjalankan tugas mengikut peraturan, salah guna kuasa dan terbabit rasuah," katanya



Khamis, 4 Mei 2017

3. Bekas pengurus besar kanan MAHB perdaya syarikat



MD Shamsuri Md Isa mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas empat pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM14,600 untuk menjalani rawatan kecantikan, tahun lalu.

SHAH ALAM: Seorang bekas pengurus besar kanan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas empat pertuduhan memperdayakan MAHB berhubung penggunaan kad kredit rasmi syarikat untuk tujuan peribadi, tahun lalu.

Md Shamsuri Md Isa, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Bagi pertuduhan pertama hingga ketiga, tertuduh didakwa memperdayakan MAHB dengan mengemukakan pengesahan penggunaan kad kredit rasmi syarikat yang palsu masing-masing berjumlah RM2,000; RM7,780 dan RM5,800, sedangkan penggunaan kad kredit itu adalah pembayaran untuk tujuan peribadi iaitu rawatan kecantikan di sebuah klinik.

Bagi pertuduhan keempat, Md. Shamsuri didakwa memperdayakan MAHB dengan menyerahkan borang tuntutan peribadi berjumlah RM3,000 daripada klinik sama, yang mempunyai butiran tidak lengkap mengenai jenis rawatan kecantikan yang sebenarnya tidak ditanggung oleh MAHB.

Tertuduh didakwa melakukan semua kesalahan di Pejabat Korporat MAHB di Sepang, dekat sini, di antara 1 Mac dan 26 September tahun lalu.

Md Shamsuri didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (2) akta sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau butir matan yang palsu atau silap jika ia dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Hakim Rozilah membenarkan tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM25,000 bagi semua pertuduhan dan menetapkan 5 Jun depan untuk sebutan semula kes.

Beliau turut memerintahkan lelaki itu menyerahkan pasportnya kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), S Thangavelu, manakala tertuduh diwakili peguam Cheow Wee dan Mohamed Nizam Mohamed Fazil.

4. Koperasi kredit perlu pelbaikan sumber pendapatan



DATUK Abdul Fattah Abdullah.

KLANG: Koperasi kredit di negara ini disaran mencebur i bidang perniagaan baharu yang berimpak tinggi seperti harta tanah, perkhidmatan kesihatan dan teknologi maklumat agar dapat bertahan lama dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata sektor kredit yang menyumbang sebanyak 80 peratus daripada RM39.6 bilion perolehan koperasi pada tahun lepas, dilihat tidak lagi mampu berkembang berikutan isu peningkatan kos sara diri selain saingan daripada institusi kewangan lain.

"Untuk koperasi kredit ini terus menjana pendapatan, ia perlu mencebur i sektor lain yang berimpak tinggi dan Angkasa bersedia untuk menyalurkan bantuan seperti khidmat nasihat, dana dan kepakaran jika diperlukan.

"Saya percaya pendapatan koperasi kredit ini akan terus meningkat jika mencebur i sektor yang lain kerana telah mempunyai anggota dan pengikut yang ramai yang yakin dengan produk koperasi berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad di sini, semalam.

Katanya mengambil contoh sektor harta tanah, koperasi berkenaan bukan hanya membina rumah, malah menyediakan kemudahan pinjaman kepada anggota yang berminat membeli.

"Ini sekali gus bukan hanya dapat meningkatkan pendapatan koperasi tetapi turut memberi peluang kepada anggota koperasi yang mahu memiliki rumah. dan hasil pendapatan koperasi ini kelak juga akan disalur kembali kepada anggota koperasi melalui dividen yang mereka terima setiap tahun," katanya.

Abdul Fattah berkata, dari segi pasaran beliau yakin sebarang usaha untuk meningkatkan pendapatan koperasi akan mendapat sokongan penuh dari kira-kira tujuh juta anggota koperasi seluruh negara.



Selasa, 9 Mei 2017

5. 15 tuduhan pecah amanah RM19.39 juta



DATUK Mohd Yusof Abu Hassan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Ayer Keroh, hari ini, atas 15 pertuduhan pecah amanah dan pengubahan wang haram bernilai RM19.39 juta

AYER KEROH: Bekas pegawai khas Datuk Bandar Melaka Bandaraya Bersejarah, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas 15 pertuduhan pecah amanah dan pengubahan wang haram bernilai RM19.39 juta.

Datuk Mohd Yusof Abu Hassan, 56, mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Norma Ismail.

Mengikut empat pertuduhan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan, dia didakwa melakukan pecah amanah berjumlah RM11.2 juta antara Februari hingga Ogos tahun lalu.

Bagi pertuduhan itu, dia berdepan hukuman maksimum 20 tahun penjara dengan sebatan dan denda.

Mohd Yusof turut menghadapi 11 pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUA) 2001 (Akta 613) bernilai RM8.19 juta.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara Mac hingga September tahun lalu di sekitar daerah Melaka Tengah.

Bagi tuduhan itu, dia berdepan hukuman maksimum 15 tahun penjara dan denda tidak kurang lima kali ganda hasil aktiviti haram atau RM5 juta mengikut mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Afzainizam Abdul Aziz, mencadangkan jaminan RM3 juta dengan seorang penjamin.

Bagaimanapun, peguam tertuduh, Azrul Zulkifli Stork, memohon mahkamah mempertimbangkan jaminan lebih rendah atas alasan anak guamnya menanggung seorang isteri, lapan anak yang masih belajar, ibu yang uzur serta menjadi tulang belakang keluarga.

Mahkamah membenarkan jaminan RM1.6 juta dengan seorang penjamin manakala pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah, termasuk syarat tambahan melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPM.

Hakim menetapkan 22 Jun untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

6. Kontrak berasas prestasi pantau kontraktor

ISKANDAR PUTERI: Perubahan kaedah penyelenggaraan jalan negeri daripada konvensional kepada kontrak berdasarkan prestasi dapat membantu Kerajaan Johor memantau syarikat yang diamanahkan.



Datuk Hasni Mohammad

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Hasni Mohammad, berkata perubahan kaedah konvensional kepada kontrak berdasarkan prestasi itu dilakukan sejak tahun 2015.

Katanya, dua syarikat dilantik bagi menjalankan kerja penyelenggaraan 2,300 kilometer jalan negeri di seluruh Johor iaitu Amona Infra Care Sdn Bhd dan Teto Engineering Sdn Bhd.

"Setiap syarikat ini diberi tanggungjawab menyelenggara lima daerah iaitu Amona Infra Care melakukan kerja selenggara di Segamat, Muar, Tangkak, Kluang dan Batu Pahat manakala Teto Engineering ditugaskan di daerah Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulai, Pontian dan Mersing."

"Peruntukan Amona Infra Care membabitkan RM83.26 juta manakala Teto Engineering sebanyak RM47.62 juta sejak tahun 2015 sehingga kini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Adam Sumiru (BN-TanjungPuteri) berhubung kerja penyelenggaraan jalan negeri pada Sidang Dewan Undangan Negeri yang diadakan di Kota Iskandar, di sini hari ini.

Hasni berkata, penekanan kaedah kontrak berdasarkan prestasi membolehkan kerja selenggara jalan negeri di seluruh Johor dapat dilakukan dengan lebih efisyen berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan.

"Kaedah ini membolehkan kerajaan negeri menyediakan perkhidmatan Jabatan Kerja Raya (JKR) Ronda untuk tujuan pemantauan dan pemeriksaan pada kerja dijalankan syarikat konsensi.

"Aspek KPI yang dipantau termasuk pencapaian perbelanjaan, laporan audit kriteria dari segi sasaran dan pencapaian di lokasi, pengurusan trafik dan kawasan banjir serta pengendalian pengurusan maklum balas aduan," katanya.

Selain Hasni berkata, pada tahun lalu kerajaan negeri menyelenggara dan menampal seluas 34,824 meter persegi jalan berlubang membabitkan peruntukan kira-kira RM799,897 sebulan.



Jumaat, 12 Mei 2017

7. KWSP salur RM108 bilion kepada pengurus portfolio luaran



PENGURUSI KWSP, Tan Sri Samsudin Osman.

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan bahawa pengurusan dana sebanyak RM108 bilion telah disalurkan kepada pengurus portfolio luaran sehingga 31 Disember 2016.

Ia mencatatkan peningkatan sebanyak 10.36 peratus berbanding RM97.86 bilion pada tahun 2015.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, KWSP berkata peruntukan yang dilabur dalam ekuiti dan instrumen pendapatan tetap itu mewakili 14.77 peratus daripada keseluruhan aset pelaburan KWSP.

Pengerusinya, Tan Sri Samsudin Osman berkata, sebagai persediaan ke arah menjadi sebuah dana bernilai satu trilion ringgit, KWSP akan terus menggunakan khidmat pengurus portfolio luaran bagi pengurusan sebahagian dananya.

"Ia selaras dengan inisiatif diversifikasi yang diamalkan. Dengan ini, kami dapat memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran pengurus dana luar, sekali gus melengkapi keupayaan pengurusan dana dalaman kami sendiri.

"Kami akan terus meningkatkan pendedahan kepada pasaran yang dilabur, terutamanya dalam bidang aset alternatif dan infrastruktur.

"Bagaimanapun, mengambil kira ketidaktentuan pasaran semasa dan kelembapan pertumbuhan ekonomi, pengembangan pelaburan kami akan dijalankan secara berperingkat dan berhemah," katanya berucap di Majlis Anugerah Tahunan Pengurus Portfolio Luaran 2017.

KWSP kekal dengan objektif pelaburannya untuk mengisyiharkan dividen nominal tidak kurang dari 2.5 peratus setiap tahun, dan pulangan melebihi inflasi tidak kurang dari dua peratus untuk tiga tahun berturut-turut.

KWSP juga terus mengamalkan diversifikasi aset bagi mengurangkan risiko portfolio serta merancang untuk meningkatkan pendedahan kepada pelaburan alternatif supaya mencecah 10 peratus daripada keseluruhan aset di bawah pengurusan.

Sebelum memperkenalkan Simpanan Shariah, aset patuh syariah telah pun merangkumi lebih kurang 45 peratus daripada jumlah aset pelaburan KWSP.

Kini, KWSP menjangkakan untuk meningkatkan pegangan aset patuh syariah pada kadar sekurang-kurangnya RM25 bilion setahun secara purata bagi memenuhi permintaan ahlinya.

Tambahnya lagi, persaingan bagi mendapatkan aset patuh syariah berkualiti tinggi adalah tidak terhad kepada pelabur dunia Islam sahaja, malah daya tarikannya sebagai kaedah pembiayaan alternatif yang beretika turut menarik perhatian pelbagai dana pencen Barat.

"KWSP memerlukan lebih banyak aset patuh syariah berkualiti, dan kami mengalu-alukan pengurus dana luaran supaya turut serta dalam usaha kami untuk mengembangkan mandat syariah kami," katanya.

Majlis Anugerah Tahunan Pengurus Portfolio Luaran 2017 turut menyaksikan 15 anugerah lain yang disampaikan kepada pengurus portfolio luaran berprestasi cemerlang.

Tujuan majlis anugerah tahunan ini diadakan adalah untuk mengiktiraf pengurus portfolio luaran yang telah mencatat prestasi cemerlang dalam menguruskan portfolio pelaburan KWSP.

Sementara itu, Samsudin berkata, pendedahan KWSP kepada pelaburan patuh syariah meliputi pelbagai kelas aset kini menjangkaui 40 peratus daripada keseluruhan aset pelaburan.

"Setakat 31 Disember 2016, KWSP mencatatkan jumlah aset pelaburan sebanyak RM731.11 bilion, peningkatan 6.81 peratus berbanding RM684.53 bilion pada tahun 2015.

"KWSP menetapkan piawaian tinggi dalam penilaian prestasi pelaburan. Kami menghargai usaha pengurus dana luar kami yang telah pun menunjukkan komitmen sepenuhnya dalam menguruskan dana kami," katanya.

INFO:

*Awal tahun ini, KWSP telah menandatangani Kod Malaysia Bagi Pelabur-Pelabur Institusi, satu langkah signifikan yang menunjukkan komitmen KWSP dalam menggalakkan amalan terbaik pelaburan dan tadbir urus korporat yang kukuh di kalangan syarikat penerima pelaburannya.



Isnin, 15 Mei 2017

8. Suspek kes permit kerja disambung reman



ANGGOTA Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengiringi pegawai kanan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Padang Besar, Perlis, yang ditahan Isnin lalu, bagi membantu siasatan kes suapan lebih RM20 juta

ALOR SETAR: Pegawai kanan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Padang Besar, Perlis, yang ditahan Isnin lalu, bagi membantu siasatan kes suapan lebih RM20 juta membabitkan permit kerja ekspatriat dan profesional warga asing disambung reman selama tujuh hari.

Perintah reman sehingga 21 Mei ini dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Tertinggi Mahkamah Rendah Alor Setar, Rusmini Mat Rashid terhadap suspek utama itu selepas tempoh reman tujuh hari tamat hari ini.

Jurucakap SPRM berkata, empat lagi rakan suspek termasuk seorang berpangkat datuk berusia antara 30 hingga 53 tahun dibebaskan dengan jaminan RM10,000 seorang dan seorang penjamin.

"Kita perlu lanjutkan tempoh reman ke atas suspek utama bagi mengumpul lebih banyak bukti dan mengesan baki hasil suapan," katanya yang ditemui di sini hari ini.

BH sebelum ini melaporkan seorang 'Datuk' adalah antara lima lelaki yang ditahan bagi membantu siasatan kes suapan lebih RM20 juta membabitkan permit kerja ekspatriat dan profesional warga asing.

Susulan penahanan suspek utama itu, SPRM turut merampas pelbagai barang dan aset bernilai RM2.5 juta, termasuk lima buah kenderaan mewah dan sijil simpanan tetap berjumlah hampir RM1 juta di rumahnya di Jitra.

SPRM Kedah turut mendedahkan penahanan dua lelaki membabitkan pegawai JIM di ICQ Padang Besar dan kontraktor, turut disyaki memainkan peranan sebagai pemegang amanah kepada suspek utama.

9. JPJ tingkat guna teknologi elak rasuah



TIMBALAN Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi menyaksikan pertukaran perjanjian persefahaman (MoU) antara Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Nadzri Siron dengan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil di Putrajaya, hari ini. -

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedang giat meningkatkan penggunaan teknologi dalam sistem mereka bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa dan rasuah di kalangan pegawai penguatkuasa.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi, berkata sebagai agensi penguatkuasaan yang sering berurusan dengan masyarakat, sudah tentu segala kelakuan JPJ diperhatikan. Jelas beliau, sekiranya segala urusan bersama JPJ dapat dijalankan menggunakan teknologi, sudah tentu interaksi masyarakat dengan pegawai penguatkuasa dapat dikurangkan, sekali gus mengekang gejala rasuah.

"Penggunaan sistem teknologi seperti yang digunakan dalam pembaharuan lesen, pembayaran cukai, denda dan kompaun melalui sistem automatik dalam talian serta kiosk tidak memerlukan pegawai penguatkuasa. "Bagi penguatkuasaan peraturan dan undang-undang jalan raya pula, JPJ menggunakan kaedah menangani kesalahan pemandu melalui Sistem Kesedaran Automatik (AWAS) dan Sistem

Penguatkuasaan Automatik (AES). "Kedua-dua sistem ini berkonsepkan rakaman kamera dan tidak membabitkan hubungan terus anggota atau pegawai JPJ dengan pengguna jalan raya," katanya pada sidang media selepas menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara JPJ dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini hari ini. MoU berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Nadzri Siron dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil. Ab Aziz berkata, sebarang penguatkuasaan dan integriti semasa

menjalankan tugas perlu diberi perhatian sebaik mungkin oleh jabatan berkaitan kerana setiap peraturan membabitkan nyawa pengguna.

"Soal integriti ini, jika dalam Islam, ia sama seperti iman dan takwa yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian, saya faham agak susah untuk mengambil satu perkara yang positif kerana kita cenderung buat yang sebaliknya, namun di sini kita perlukan budaya ingat mengingati sesama rakan sekerja," katanya.



Selasa, 16 Mei 2017

10. Pengurus ZPP beri keterangan kepada SPRM



Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) yang juga Pengurus Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Mohd Salleh Man (dua dari kanan) beramah mesra bersama sebahagian penerima sijil pentaulianan pada majlis Pentaulianan Amil Zakat Fitrah Pulau Pinang bagi Tahun 1438H/2017 di Dewan Milenium, Kepala Batas, Pulau Pinang. - Foto Amir Irsyad Omar

KEPALA BATAS: Pengurus Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Mohd Salleh Man, sudah memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu penyelewengan dan pecah amanah dana projek pembangunan masyarakat agensi itu.

Beliau yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), bersama Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Setiausaha Syarikat ZPP dan beberapa pegawai tertinggi agensi itu memberi keterangan kepada SPM, Jumaat lalu.

"Saya sudah beri keterangan kepada SPRM di pejabat MAINPP di KOMTAR untuk membantu siasatan berhubung isu penyelewengan dan pecah amanah dana projek pembangunan masyarakat ZPP.

"Beberapa pegawai kanan lain turut dirakam keterangan. Buat masa ini saya tidak boleh mengulas lanjut dan menyerahkan kepada SPRM menjalankan siasatan," katanya pada sidang media selepas Majlis Pentauliahan Pelantikan AMIIL 2017 di sini, hari ini.

Pada 9 Mei lalu, empat pegawai kanan ZPP bersama lapan kontraktor ditahan SPRM Pulau Pinang selepas dipercayai terbabit dalam isu penyelewengan dan pecah amanah dana projek pembangunan masyarakat ZPP.

Bagaimanapun, empat kontraktor dibebaskan Sabtu lalu, manakala seorang kontraktor dan dua pegawai ZPP dibebaskan kelmarin, masing-masing dengan jaminan RM5,000 setiap seorang bagi kontraktor dan RM10,000 setiap seorang kepada semua pegawai ZPP.

Mohd Salleh berkata, ZPP belum bercadang untuk melakukan rombakan membabitkan pengurusan tertinggi agensi itu kerana masih menunggu perkembangan siasatan kes.

"Mereka dipanggil untuk membantu siasatan dan belum ada tuduhan dibuat, jadi kita perlu melihat dulu perkembangan siasatan," katanya.

11. Koperal tentera didakwa 79 tuduhan salah guna peruntukan

MUSA Md Rawi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Ayer Keroh, hari ini, atas 79 pertuduhan berkaitan menyalahgunakan peruntukan Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK) berjumlah RM50,238.10 antara April hingga Julai tahun lalu.

AYER KEROH: Seorang anggota tentera berpangkat koperal dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas 79 pertuduhan berkaitan menyalahgunakan peruntukan Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK) berjumlah RM50,238.10 antara April hingga Julai tahun lalu.

Musa Md Rawi, 27, dari Kem Terendak Sungai Udang membuat pengakuan itu sejurus semua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Norma Ismail.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelima, dia didakwa menyalahgunakan harta dengan mencipta pelbagai nombor baucar bayaran bagi pembayaran elaun perjalanan dan tuntutan cuti tahunan PULPAK menggunakan nama individu berlainan, untuk dimasukkan ke dalam akaun bank milik Mohd Ramdan Mohd Sani dan Anuar Bolhassan.

Tertuduh turut melakukan perbuatan sama bagi baki 74 pertuduhan lagi untuk dimasukkan ke dalam dua akaun miliknya sendiri.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat Belanjawan PULPAK, Kem Terendak Sungai Udang, antara 25 April hingga 1 Julai 2016.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ong Cheng Hian, menawarkan jaminan RM158,000 bagi semua pertuduhan.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jumlah jaminan dikurangkan dengan alasan menanggung isteri dan ibu bapa serta perlu menjalani rawatan kaki selepas terbabit kemalangan.

Norma kemudian membenarkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 19 Jun ini untuk sebutan semula kes, selain pasport tertuduh diserahkan ke mahkamah.



Rabu, 17 Mei 2017

12. Rasuah: Tiga pegawai polis antara 6 direman

PUTRAJAYA. Tiga pegawai polis antara enam individu direman selama enam hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di beberapa lokasi sekitar Melaka.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Muhamad Safuan Azhar di sini hari ini selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mereka direman bermula hari ini hingga 22 Mei ini bagi membolehkan siasatan dijalankan.

Semalam, SPRM menahan tiga pegawai polis dan tiga orang awam di sekitar Melaka selepas dipercayai terbabit rasuah.

Semua mereka yang ditahan terdiri daripada dua pegawai berpangkat Asisten Superintenden yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka dan seorang lagi berpangkat inspektor dari sebuah ibu pejabat polis daerah.

Difahamkan petang ini tiga lagi pegawai polis akan dibawa ke Mahkamah Majistret di sini pagi permohonan perintah reman membabitkan kes sama.

13. Kes pusat judi, rumah urut: SPRM rampas RM800,000

SEORANG anggota polis berpangkat koperal direman bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di beberapa lokasi sekitar Melaka.

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merampas wang tunai kira-kira RM800,000 di rumah seorang anggota polis yang ditahan membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi dan rumah urut di beberapa lokasi di Melaka.

Sumber SPRM berkata wang tunai berkenaan ditemui dalam stor di rumah anggota polis berpangkat koperal itu di kuarters Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka ketika serbuan dilakukan pada jam 2.15 petang, semalam.

Difahamkan, suspek lelaki berusia 52 tahun itu bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), IPK Melaka, ditahan SPRM jam 2.15 petang semalam.

Siasatan awal mendapati anggota berkenaan berperanan "mengutip" serta mengumpulkan wang daripada pengusaha pusat judi dan rumah urut terbabit.

Sumber itu berkata SPRM akan melakukan beberapa tangkapan lagi berhubung kes sama.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu tetapi enggan mengulas lanjut.

Terdahulu, di Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini anggota polis itu direman bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kegiatan itu.

Perintah reman sehingga 24 Mei ini dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman selepas membenarkan permohonan SPRM.

14. Inspektor direman terima rasuah RM5,000

SEORANG inspektor direman lima hari oleh Mahkamah Majistret, bagi membantu siasatan kes menerima rasuah bernilai RM5,000.

PUTRAJAYA: Seorang inspektor direman lima hari oleh Mahkamah Majistret, bagi membantu siasatan kes menerima rasuah bernilai RM5,000.

Perintah reman bermula hari ini hingga 22 Mei itu dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman.

Lelaki berusia 35 tahun itu direman kerana disyaki menerima rasuah sebagai balasan supaya tidak mendakwa dan memfailkan kes di mahkamah terhadap pengadu berkaitan kes di bawah Seksyen 507 Kanun Keseksaan.

Difahamkan, inspektor berkenaan bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya itu, ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada jam 1.10 tengah hari semalam di pejabatnya di IPD berkenaan.

15. Kutip wang tauke judi: Seorang lagi polis direman

SEORANG lagi anggota polis direman bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di beberapa lokasi sekitar Melaka.

PUTRAJAYA: Seorang lagi anggota polis direman bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di beberapa lokasi sekitar Melaka.

Anggota berpangkat koperal itu adalah individu ke-10 yang direman bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Lelaki berusia 52 tahun itu direman bermula hari ini hingga 24 Mei.

Perintah reman tujuh hari itu dikeluarkan oleh Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman, hari ini selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Difahamkan suspek bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka dan ditahan SPRM jam 2.15 petang semalam di rumahnya di kuarters IPK sama.

Terdahulu, sembilan individu, termasuk dua Ketua Polis Daerah (KPD) direman enam hari bermula semalam sehingga 22 Mei ini bagi membantu siasatan.

Ahad, 21 Mei 2017

16. Ekonomi kukuh bila ada kerjasama pelabur luar - TPM



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada majlis pelancaran model baharu motosikal Demak di Banting, hari ini

BANTING: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mahu lebih banyak syarikat tempatan menjalin usaha sama dengan syarikat luar bagi menarik pelaburan asing ke negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, menerusi langkah itu ia bukan sahaja dapat mengukuhkan ekonomi negara, malah mampu membantu dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi masyarakat setempat.

"Hari ini kita melihat satu usaha sama antara DNC Asiatic Holdings Sdn Bhd iaitu pengeluar motosikal jenama Demak dengan syarikat pembuat peti sejuk dari China, Qingdao Aucma Import & Eksport Co Ltd (Qingdao Aucma).

"Usaha bagi kerjasama ini perlu dicontohi syarikat tempatan lain kerana pelaburan asing boleh membantu syarikat tempatan memperluaskan pasaran dan mempelbagaikan produk keluaran mereka.

"Ini juga menunjukkan keyakinan pelabur terhadap ketabilan ekonomi negara yang pastinya turut memberi manfaat limpahan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran model baharu motosikal Demak di sini hari ini.

Ahmad Zahid turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara anak syarikat DNC Asiatic Holdings, Green Tech Sdn Bhd dengan Qingdao Aucma bagi pemasangan peti sejuk beku pada dua model kendaraan perniagaan pelbagai guna (MBC) Demak

Isnin, 22 Mei 2017

17. Reman 9 individu termasuk 2 OCPD disambung

DUA Ketua Polis Daerah, enam pegawai polis serta tiga orang awam dibawa ke Mahkamah Majistret, Putrajaya untuk disambung reman bagi membantu siasatan berhubung mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut sekitar Melaka

PUTRAJAYA: Tempoh reman sembilan individu termasuk dua ketua polis daerah dilanjutkan lima hari, bagi membantu siasatan kes rasuah berhubung mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut sekitar Melaka.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman membenarkan tempoh reman disambung ke atas suspek terbabit sehingga 27 Mei.

Mereka yang ditahan termasuk dua ketua polis daerah masing-masing berpangkat Asisten Komisioner dan Deputi Superintendant dan dua pegawai berpangkat Asisten Superintendant.

Terdahulu, semua suspek tiba di pekarangan Mahkamah Majistret Putrajaya di sini dengan memakai baju lokap berwarna jingga dengan tangan bergari pada jam 9.23 pagi.

Mereka sebelum ini direman enam hari sejak 17 Mei lalu bagi membolehkan siasatan dijalankan.

Selain mereka, seorang anggota polis lagi berpangkat koperal dan seorang orang awam turut direman berhubung kes sama.

Penahanan 11 suspek itu adalah usaha SPRM untuk membanteras kegiatan rasuah membabitkan judi dan rumah urut haram yang masih berleluasa ekoran sikap tidak berintegriti termasuk dalam kalangan pihak berkuasa.

18. NTP: Kemudahan luar bandar diperkasa

MENTERI Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. - Foto Aizuddin Saad

KUALA LUMPUR: Seramai 6.2 juta penduduk menerima manfaat inisiatif pembangunan luar bandar menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar sejak 2010 hingga tahun lalu.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia meliputi pembinaan jalan baharu dan penambahbaikan jalan sedia ada, akses bekalan air bersih serta elektrik dan perumahan untuk golongan miskin luar bandar.

Selain itu, seramai 350,094 isi rumah menerima akses bekalan air bersih, isi rumah menikmati penyambungan bekalan air bersih pula 153,821 dan 94,604 rumah golongan miskin luar bandar dibina dan dibaiki.

Sepanjang tahun lalu, kerajaan membina 755.42 km jalan raya baharu, mengatasi sasaran sejauh 601.5 km seperti disasarkan untuk perhubungan, memudahkan pemasaran hasil ekonomi dan kesejahteraan rakyat kawasan itu.

Mengambil kira impak Projek Jalan Kampung yang pantas dan besar kepada masyarakat luar bandar, sebanyak RM74 juta peruntukan tambahan disalurkan berbanding peruntukan asal RM284 juta.

Katanya, setiap projek berjaya disiapkan dalam tempoh sebulan dan selain impak positif kepada masyarakat setempat, pembinaan jalan kampung juga mengubah profil ekonomi penduduk serta membuka peluang lebih luas kepada masyarakat luar bandar menceburti industri pertanian.

Akses kepada perkhidmatan bekalan air turut mendapat perhatian, dan tahun lalu berjaya menyediakan bekalan air bersih kepada 4,429 rumah melebihi sasaran 3,000 rumah ditetapkan.

Pencapaian ini adalah hasil kerjasama erat serta pemantauan dan penyeliaan teliti oleh kementerian, Jabatan Bekalan Air negeri dan penasihat projek bagi memastikan perkembangan fizikal projek berjalan lancar.

Inisiatif bantuan perumahan untuk membina dan membaik pulih rumah golongan miskin luar bandar juga melebihi sasaran tahun ini menerusi pembinaan sebanyak 3,233 rumah baharu dan membaik pulih 8,900 rumah berbanding sasaran masing-masing 3,055 dan 8,168 rumah.

Satu lagi inisiatif adalah program Cabaran Perniagaan Luar Bandar (RBC) menerusi Desa Abad Ke-21 bagi menggalakkan golongan belia luar bandar menceburi bidang keusahawanan.

Projek RBC membantu mewujudkan lebih 352 pekerjaan baharu dan 82 usahawan baharu serta merekodkan 109.35 peningkatan jualan dengan 43.47 usahawan mencapai lebih 100 peratus peningkatan jualan

19. Pegawai kanan polis direman

PEGAWAI Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa pegawai kanan polis berpangkat Deputi Superintendant untuk permohonan reman bagi membantu siasatan berhubung mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut sekitar Melaka di Mahkamah Majistret Putrajaya

PUTRAJAYA: Seorang pegawai kanan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, direman tujuh hari bagi membantu siasatan kegiatan mengutip wang perlindungan daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di Melaka.

Perintah reman bermula hari ini hingga 29 Mei itu dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman.

Lelaki berusia 49 tahun berpangkat Deputi Superintendant itu adalah individu ke-12 direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(B) dan 17(a) Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Suspek ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di pejabatnya pada jam 12.30 tengah hari semalam.

Terdahulu, suspek tiba di Mahkamah Majistret di sini pada jam 9.10 pagi dengan berbaju lokap SPRM berwarna jingga dan bergari.

20. Pegawai kanan polis dilepas dengan jaminan

ANGGOTA Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa pegawai kanan polis berpangkat Asisten Superintendant untuk permohonan bebas reman di Mahkamah Majistret Putrajaya berkaitan kes mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut sekitar Melaka.

PUTRAJAYA: Mahkamah Majistret hari ini melepaskan seorang pegawai kanan polis selepas direman tujuh hari bagi membantu siasatan kegiatan mengutip wang perlindungan daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di Melaka.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman, melepaskan suspek lelaki berusia 51 tahun itu dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM50,000.

Suspek yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah itu ditahan SPRM di Melaka pada 24 Mei lalu.

Terdahulu, suspek tiba di Mahkamah Majistret di sini jam 9.15 pagi diiringi pegawai SPRM.

Sementara itu, mahkamah sama menyambung reman selama dua hari bermula esok hingga 2 Jun terhadap tiga suspek terdiri daripada orang awam berhubung kes sama.

Sebelum ini, pada Sabtu lalu, ketiga-tiga suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM100,000, setiap seorang dengan seorang penjamin selepas disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) dan 17(a) Akta SPRM 2009.

Bagaimanapun, mereka ditahan reman semula selama empat hari bermula Ahad lalu bagi membolehkan mereka disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

21. Pertumbuhan produktiviti Malaysia meningkat

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed

KUALA LUMPUR: Malaysia mencatatkan pertumbuhan produktiviti buruh 3.5 peratus kepada RM78,218 pada 2016 berbanding RM75,548 pada 2015.

Ia adalah lebih baik berbanding purata pertumbuhan dua peratus setahun yang dicatatkan antara 2010-2015.

Dengan prestasi itu, Malaysia kini berada pada landasan kukuh untuk mencapai pertumbuhan produktiviti buruh 3.7 peratus yang disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Setakat ini, Malaysia mencapai 84.7 peratus sasaran RM92,300 yang ditetapkan di bawah RMK11 menjelang 2020.

Pada pelancaran Laporan Produktiviti 2016/2017 di sini hari ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah dua sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti 2016.

Beliau berkata, di kalangan negara Asia, Malaysia mendahului Thailand, China, Indonesia dan Filipina dari segi produktiviti setiap buruh yang digaji dalam dolar Amerika Syarikat (AS).

Namun begitu, pertumbuhan produktiviti Malaysia agak ketinggalan berbanding China yang mencatatkan pertumbuhan 6.6 peratus, Indonesia (4.6 peratus) dan Filipina (4.4 peratus), katanya.

22. Penjawat awam jangan mudah puas hati - PM

PERDANA MENTERI, Datuk Seri Najib Razak berucap pada sesi dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam di Kementerian Kewangan di Putrajaya, hari ini.

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mahu anggota perkhidmatan awam berusaha ke tahap kemampuan maksimum atau melebihi had dan menolak sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian yang "lebih kurang atau ok" sahaja.

Mengakui beliau tidak boleh menjadi Perdana Menteri yang berkesan tanpa perkhidmatan awam yang berkesan, Najib berkata, beliau mahu penyelesaian secara kreatif dan inovatif diamalkan untuk mencapai sasaran lonjakan berganda untuk Malaysia.

"Jika kita boleh melaksanakan sesuatu perkara secara kolektif, output (hasil) mesti lebih besar, menyeluruh dan bermakna lagi.

"Kita perlu sentiasa berusaha mencari penyelesaian kreatif dan inovatif," katanya pada sesi dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam di Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa menjadi moderator majlis dialog itu yang dihadiri kira-kira 1,300 penjawat awam.

Najib berkata, beliau mahu melihat lonjakan berganda perkhidmatan yang diberikan oleh penjawat awam kepada rakyat Malaysia dengan meningkatkan aspek kreatif dan inovatif.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, beliau turut membayangkan kewujudan sekolah satu aliran pada masa depan yang bertujuan mengukuhkan kesatuan nasional dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Katanya, ia (kesatuan nasional dan perpaduan) harus dimulakan dari peringkat sekolah dan pada masa sama, tidak berhasrat untuk menutup sekolah Cina atau Tamil.

"Saya membayangkan pada 2050, kita akan ada satu sekolah satu aliran di mana bahasa kebangsaan dijadikan bahasa pengantar; bahasa Inggeris diperkasakan dan bahasa ibunda lain dijadikan pilihan elektif yang kuat. Bagaimanapun, ini bukan cadangan tapi bayangan saya pada masa itu," katanya